

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HLP 221/HLP 311 - Asas-Asas Penulisan Skrip

Masa : [2 jam]

KERTAS INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN. JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA. SETIAP SOALAN MEMBAWA NILAI MARKAH YANG SAMA.

1. Terdapat beberapa ciri utama di dalam plot sesebuah drama. Pilih lima (5) daripadanya dan huraikan. Huraian anda harus merujuk kepada drama yang telah anda baca sebagai contohnya.
2. Gambarkan sebuah adegan tentang krisis rumah-tangga yang melibatkan ibu, bapa dan anak perempuan mereka. Berdasarkan adegan ini hasilkan sinopsisnya, diskripsi watak-wataknya, subjek krisisnya dan resolusinya.
3. Bandingkan drama **Protes** karya Dinsman dan **Kotaku Oh Kotaku** karya Johan Jaafar dari sudut plot atau struktur ceritanya.
4. Watak penting di dalam sesebuah skrip drama. Penampilan mereka mampu mengekalkan pertalian emosi dengan penonton. Selaku penulis, apakah faktor-faktor yang harus diambil kira untuk menghasilkan watak yang berkesan.
5. Tema drama yang bakal anda hasilkan berkisar kepada cinta segi tiga. Hasilkan sebuah senario kasar yang menjurus kepada tema tersebut.

6. Berdasarkan drama-drama berikut, bincangkan salah SATU daripada perkara-perkara berikut:
- a. Kritikan sosial di dalam drama ***Mayat*** oleh Hatta Azad Khan.
 - b. Ciri-ciri perwatakan di dalam drama ***Asy Asyura*** karya Johan Jaafar.
 - c. Isu-isu politik di dalam drama ***Anak Tanjung*** hasil karya Nordin Hassan.

-oooOooo-